

25 SEP 2003

Mahathir-Wanita/I

UMAT ISLAM TIDAK WAJAR KETEPIKAN WANITA

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan sikap sesetengah pihak yang mengeneipkan kaum wanita kerana perbuatan ini bererti menjadikan jumlah umat Islam di seluruh dunia seramai 1.3 bilion sekarang berkurangan kepada 650 juta orang sahaja.

Perdana Menteri menyatakan perkara ini semasa menjawab soalan seorang daripada hadirin yang memenuhi dewan School of Oriental and African Studies (SOAS) di sini selepas berucap selama sejam.

Sesi soal jawab antara Dr Mahathir dan hadirin yang berlangsung di dewan itu pada Isnin meliputi pelbagai isu termasuk yang menggelikan hati dan perkara-perkara serius yang menuntut ketajaman fikiran.

Perdana Menteri terpaksa menyebut jumlah umat Islam berdasarkan jantina mereka bagi mengulas kenyataan berbentuk provokatif yang dibuat oleh Presiden Persatuan British-Malaysia kononnya beliau melihat wujudnya masalah apabila semakin ramai wanita Malaysia kini memakai tudung.

Green, yang menyifatkan Malaysia sebagai "negara Islam yang paling pesat mara ke hadapan" berkata beliau tidak faham kenapa semakin ramai generasi muda Islam memakai pakaian Islam yang "lebih konservatif".

Dalam soalnya yang memeranjatkan sesetengah hadirin itu, Green berkata: "Tapi, saya ada satu masalah. Setiap kali ke Malaysia, saya tidak dapat memahami masalah itu. Dari satu segi, kita lihat semakin ramai wanita di Malaysia menyandang jawatan tinggi...dari satu segi lagi - dan inilah yang menjadi masalah saya - saya dapati semakin ramai wanita muda memakai pakaian Islam yang lebih konservatif, dan ini membuat saya terfikir bahawa adakah mereka cuba menyampaikan sesuatu mesej kepada rakan mereka yang bukan Islam, atau mereka menjadi semakin Islam, jelasnya semakin konservatif. Nampaknya ini satu keadaan yang bertentangan.

Dalam penjelasannya, Dr Mahathir yang bercakap panjang lebar tentang pentingnya umat Islam untuk tidak hanya melihat kepada bentuk, tetapi juga kepada isinya, berkata di Malaysia, tidak timbul masalah apabila ada wanita yang memilih untuk berpakaian secara konservatif kerana mereka bebas membuat pilihan.

Beliau berkata apa yang lebih penting ialah umat Islam, lelaki dan wanita, perlu bersaing di peringkat sejagat kerana "kita tidak boleh mengeneipkan wanita dan mengurangkan kekuatan kita yang kini berjumlah 1.3 bilion orang."

Perdana Menteri berkata: "Baiklah, sekiranya anda ingin menutup kepala, tutuplah. Tapi sekiranya kami menyuruh anda memandu pesawat perang, anda boleh pakai tudung itu tapi pastikan anda boleh mendengar melalui earphone.

"Di Malaysia, kami mempunyai wanita yang menjadi juruterbang jet pejuang, mereka mampu lakukan apa saja, mereka mampu memanjat gunung, mereka bebas berbuat apa saja tetapi perlu patuh kepada norma yang ditetapkan bagi umat Islam.

"Di Malaysia, sekalipun mereka menutup kepala, mereka berkawan baik dengan orang Cina, India serta bekerja dan main bersama-sama. Tidak salah berpakaian secara konservatif asalkan minda tidak bersifat konservatif."

Mengenai demokrasi, Dr Mahathir berkata ia menepati ajaran Islam kerana Nabi Muhammad (s.a.w) sendiri tidak mewujudkan dinasti baginda.

Beliau berkata Rasulullah menyerahkan kepada umatnya untuk memilih pengganti baginda dari kalangan orang yang terbaik di kalangan mereka.

Seorang lagi hadirin ingin mengetahui pendapat Perdana Menteri tentang

pemerintahan secara dinasti yang terdapat di negara Islam Asia Barat serta tindakan Presiden Muammar Gaddafi menawarkan sejumlah besar wang kepada mangsa nahas udara Lockerbie.

Dr Mahathir menjawab pertanyaan ini secara diplomasi dengan berkata beliau tidak berhak untuk memberitahu seseorang bagaimana untuk membelanjakan wangnya.

Menjawab satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata demokrasi sentiasa berubah, tetapi apa yang membimbangkan beliau ialah semakin meningkatnya penguasaan kumpulan minoriti terhadap kumpulan majoriti.

Menyanggah kenyataan seorang wanita dari Republik Czech kononnya Islam yang sudah berusia 2,000 tahun kini sudah ketinggalan zaman, Dr Mahathir berkata walaupun keadaan berubah, tetapi kebenarannya tetap terpelihara dan umat Islam perlu menyesuaikan diri dengan keadaan.

Beliau berkata contohnya umat Islam tidak boleh mengeneipkan kesahihan ujian DNA dan keboleh percayannya dalam kes rogol walaupun tidak terdapat empat orang saksi seperti yang syaratkan oleh undang-undang Syariah.

Ucapan Dr Mahathir pada majlis itu yang bertemakan Islam dan umatnya, memperkatakan tentang persoalan sama ada umat Islam perlu menilai semula dan mencipta pendirian baru dalam menghadapi cabaran semasa.

Dalam hal ini, beliau berkata Islam tidak perlu dicipta semula kerana ia mengandungi kebenaran yang hakiki tetapi apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam ialah menilai kembali pandangan mereka terhadap Islam serta tidak terlalu taksud kepada bentuk tetapi lebih mementingkan isi dalam memenuhi tuntutan dunia moden.

"Kita ada wang dan inilah kekuatan kita," katanya ketika menjawab soalan seorang hadirin.

Ucapan itu adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dalam lawatannya ke Britain sebelum bersara bulan depan. Ramai yang kecewa kerana tidak berpeluang memasuki dewan untuk mengikuti ucapan beliau termasuk seorang duta dari negara Teluk.

Sebelum berlepas untuk melakukan lawatan rasmi ke Sweden, Dr Mahathir meluangkan sedikit masa untuk hadirin yang beratur panjang mencari kesempatan bersalam dan mengucapkan penghargaan kepada beliau.

-- BERNAMA

WAH AU AU SP RON